Penggunaan teknologi berbantuan komputer bagi P&P Matematik dalam kelas adalah satu cara berkesan untuk meningkatkan kefahaman pelajar dalam isi kandungan Matematik (Grooterboer & Jorgensen, 2009; Offer & Bos, 2009; Ramadan & Huseyi'n, 2014; Kila & Abdullah, 2016). Menurut Moye (2009), teknologi berbantuan komputer adalah satu medium yang dapat mengintegrasikan teknologi dan Matematik melalui aplikasi seharian. Kajian juga menunjukkan penggunaan teknologi berbantuan komputer terutamanya perisian animasi membantu dalam proses P&P (Staylor, 2002; Kellerman, 2004; Tversky et al., 2008; Yang, 2011; Owolabi & Oginni, 2014; Tong, 2015). Animasi dapat mempersembahkan dua fungsi utama pembelajaran iaitu memberikan pengetahuan baru (Zhao & Huang, 2013) dan memberikan pemahaman konsep baru terhadap pengetahuan sedia ada (Weiss, Knowlton & Marrison, 2002).

Walau bagaimanapun, terdapat kajian yang menunjukkan animasi tidak mendatangkan kesan positif (Boulus, 2012; Zhao & Huang, 2013). Animasi tidak berkesan disebabkan animasi yang dihasilkan tidak menarik (Lambert, 2010; Victor, Arie & Brave, 2016; Purwanto & Yuliana, 2016). Lasseter (1987), Norshahila, Wan dan A'fza (2013) serta Carter (2016) menyatakan aplikasi prinsip animasi *Walt Disney* boleh digunakan untuk meningkatkan keberkesanan animasi yang dihasilkan. Ini kerana prinsip animasi ini adalah penanda aras bagi menghasilkan animasi yang





berkesan (Bishko, 2007) dan banyak kajian mencadangkan prinsip pelebih-lebihan adalah satu daripada kaedah reka bentuk animasi yang boleh menghasilkan animasi yang menarik (Minghua & Ping, 2010; Gielniak & Andrea, 2012; Kolokouri & Plakitsi, 2016).

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, penggunaan teknologi berbantuan komputer sebagai bahan pedagogi di sekolah telah dimulakan pada tahun 1994 (Lee, 1999) dan dilakukan secara intensif mulai tahun 2003 melalui penggunaan perisian kursus terutamanya bagi mata pelajaran kritikal seperti Matematik (EPRD, 2006). Walau bagaimanapun, wujud permasalahan dalam penggunaan perisian di sekolah kerana perisian yang dibekalkan tidak memanfaatkan kelebihan elemen multimedia (KPM, 2008) dan perisian tidak berkesan (Emram, 2012). Selain itu, masalah turut wujud disebabkan isi kandungan perisian yang tidak seragam (KPM, 2008; Hasnah, 2012). Ini selari dengan dapatan kajian perbandingan terhadap 14 perisian di pasaran dan yang digunakan di sekolah dalam Bahagian 2.10 yang mendapati tidak semua perisian yang berada di pasaran sesuai untuk digunakan. Ini menyebabkan penggunaan perisian dalam mata pelajaran Matematik khususnya adalah terhad dan tidak membantu pelajar untuk menguasai topik dengan baik.

Berdasarkan perbincangan ini, penyelidik mendapati terdapat masalah dalam penggunaan perisian kursus bagi P&P Matematik di sekolah serta terdapat potensi dalam aplikasi prinsip animasi pelebih-pelebihan. Sehubungan dengan itu, adalah penting bagi dilaksanakan kajian bagi mengkaji keberkesanan aplikasi prinsip animasi pelebih-lebihan terhadap penguasaan Matematik pelajar dalam konteks pendidikan di Malaysia. Bagi menangani permasalahan ini, satu perisian pembelajaran yang





memfokuskan kepada aplikasi prinsip animasi pelebih-lebihan dan konsep KBKK yang perlu dikuasai oleh pelajar dibangunkan. Melalui strategi baru ini, pelajar boleh memilih KBKK yang perlu dikuasai dan mempelajarinya melalui animasi berasaskan prinsip pelebih-lebihan yang dibina.

1.3 Analisis Awal

Topik Integer Matematik Tingkatan 1 memperkenalkan kepada pelajar buat pertama kalinya tajuk nombor negatif (KPM, 2011). Dapatan daripada kajian lepas mendapati pelajar tingkatan 1 menghadapi masalah pembelajaran dalam topik Integer Matematik (Elango, 2007; Sopian, 2011; Peggy, 2011; Gullick, 2012). Bagi mengkaji masalah ini dengan lebih terperinci, satu analisis awal telah dilaksanakan pada tahun 2014 untuk mengkaji dan menganalisis tahap pencapaian mengikut KBKK pelajar semasa. Pencapaian pelajar mengikut KBKK diuji menggunakan pendekatan kuantitatif. Sampel analisis awal terdiri daripada pelajar tingkatan 1 dari dua buah sekolah gred B luar bandar yang telah mempelajari topik Integer. Ini kerana pelajar-pelajar tingkatan 1 telah mempelajari topik ini semasa awal tahun. Sekolah gred B luar bandar dipilih kerana kajian yang dilakukan oleh KPM mendapati faktor akses yang sama, peluang yang tidak sama menyebabkan murid bandar menunjukkan prestasi akademik yang lebih baik daripada murid luar bandar (KPM, 2013). Selain itu, pemilihan dua buah sekolah gred B ini dilakukan kerana ia mempunyai latar belakang yang sama dengan kajian yang dijalankan. Ini bagi mendapatkan gambaran awal tentang penguasaan KBKK pelajar semasa dalam topik Integer. Analisis awal ini penting bagi menguji





wujudnya perbezaan signifikan min markah pelajar bagi menguasai KBKK yang berlainan.

Instrumen analisis awal melibatkan instrumen ujian subjektif bagi pelajar. Pelajar diminta untuk menjawab instrumen soalan subjektif KBKK bagi topik Integer yang dibina berpanduan buku teks, buku rujukan, soalan PMR dan soalan PT3 tahun-tahun lepas. Ujian subjektif ini memberikan data penguasaan KBKK pelajar semasa. Semua soalan subjektif yang diberikan kepada pelajar disemak dan dinilai. Soalan yang disusun mengikut jenis KBKK ini dikira min markahnya bagi jenis KBKK yang sama. Ujian subjektif ini boleh dilihat dalam Lampiran A.

Jadual 1.1 menunjukkan peratusan skor berdasarkan hasil pembelajaran



Matematik tingkatan 1 bagi topik Integer. Daripada Jadual 1.1, bagi sub topik membaca dan menulis integer, pelajar yang berada pada tahap sangat baik iaitu skor 5 yang memperoleh 5 – 6 markah (5-6m) adalah 100.00%. Bagi sub topik mewakili integer pada garis nombor, pelajar yang berada pada tahap baik iaitu skor 4 (5-6m) adalah 49.17% manakala 24.17% pelajar berada pada tahap sangat baik iaitu pada skor 5 (7-8m). Bagi sub topik membandingkan nilai dua integer, pelajar yang berada pada tahap sangat baik iaitu skor 5 (5-6m) adalah 52.50% manakala 17.50% pelajar pada tahap sederhana iaitu pada skor 3 (3m). Bagi sub topik menyusun integer dalam urutan, majoriti pelajar berada pada tahap sangat lemah iaitu skor 1 (0-2m) sebanyak 39.17%. Bagi sub topik penggunaan nombor positif dan nombor negatif, kebanyakan pelajar berada pada tahap lemah dengan skor 2 (3-4m) iaitu sebanyak 45.83%. Dalam sub topik penambahan integer, 41.67% pelajar berprestasi lemah pada skor 2 (1-2m) manakala 32.50% pelajar berprestasi sangat baik iaitu pada skor 5 (7-8m).





Jadual 1.1

Analisis Awal - Peratusan Skor Berdasarkan Hasil Pembelajaran Matematik Tingkatan 1 bagi Topik Integer

Sub topik	Markah Maksimum	Skor (%)					Min
		1 Sangat lemah	2 Lemah	3 Sederhana	4 Baik	5 Sangat Baik	
Membaca dan menulis integer	6	0.00%	0.00%	0.00%	0.00%	100.00%	6.00
Mewakilkkan integer pada garis nombor	8	0.00%	17.50%	9.17%	49.17%	24.17%	4.11
Membandingkan nilai dua integer	6	5.00%	15.83%	17.50%	9.17%	52.50%	5.12
Menyusun integer dalam urutan	10	39.17%	7.50%	6.67%	29.17%	17.50%	5.03
Penggunaan nombor positif dan nombor negatif	11	21.67%	45.83%	27.50%	0.83%	4.17%	3.72
Penambahan integer	14	4.17%	41.67%	1.67%	20.00%	32.50%	4.24
Penolakan integer	14	35.83%	40.00%	6.67%	17.50%	0.00%	1.91
Gabungan operasi penambahan dan penolakan integer	5	47.50%	50.83%	0.00%	1.67%	0.00%	1.99
Penyelesaian masalah yang melibatkan penambahan integer	6	50.00%	0.00%	39.17%	0.00%	10.83%	3.04
Penyelesaian masalah yang melibatkan penolakan integer	10	61.67%	0.00%	38.33%	0.00%	0.00%	1.92
Penyelesaian masalah melibatkan penambahan dan penolakan integer	10	98.33%	0.00%	1.67%	0.00%	0.00%	0.08
Purata		45.42%	27.40%	18.54%	15.94%	30.21%	37.15

Dalam sub topik penolakan integer, 40.00% pelajar lemah iaitu pada skor 2 (1-2m) sementara 35.83% pelajar berpencapaian sangat lemah berada pada skor 1 (0m). Bagi gabungan operasi melibatkan penambahan dan penolakan integer, 50.83% pelajar berpencapaian lemah iaitu pada skor 2 (3-5m) manakala 47.50% pelajar berpencapaian sangat lemah pada skor 1 (0-2m). 50.00% pelajar memperoleh skor 1 (0-2m) iaitu sangat lemah dalam menyelesaikan masalah yang melibatkan penambahan integer. 61.67% pelajar pula sangat lemah dalam menyelesaikan masalah yang melibatkan penolakan integer dengan memperoleh skor 1 (0-2m). Sementara itu 98.33% pelajar memperoleh skor 1 (0-2m) iaitu sangat lemah dalam penyelesaian





masalah melibatkan gabungan operasi penambahan dan penolakan integer. Daripada Jadual 1.1 dapat diperhatikan bahawa pelajar 'sangat lemah' dan 'lemah' bagi hampir semua topik dengan memperolehi skor 1 dan 2. Pelajar hanya menunjukkan pencapaian yang 'sangat baik' bagi sub topik membaca dan menulis integer dan sub topik membandingkan nilai dua integer. Kelemahan ketara pelajar adalah dalam sub topik penyelesaian masalah melibatkan penambahan dan penolakan integer yang mencatatkan peratusan 'sangat lemah' yang tinggi.

Jadual 1.2 menunjukkan analisis peratusan skor berdasarkan KBKK topik Integer Tingkatan 1. Empat KBKK yang perlu dikuasai bagi topik Integer ini adalah membanding dan membezakan, membuat urutan, menganalisis dan membuat gambaran mental. Daripada Jadual 1.2, bagi KBKK membanding dan membezakan, pelajar yang berada pada tahap sangat baik iaitu skor 5 yang memperoleh 11 – 12 markah (11-12m) adalah 52.50%. Bagi KBKK membuat urutan, pelajar yang berada pada tahap lemah iaitu skor 2 (4-7m) adalah 26.67%. Bagi KBKK menganalisis, pelajar yang berada pada tahap lemah iaitu skor 2 (4-7m) adalah 55.00% manakala 26.67% pelajar berada pada tahap sederhana pada skor 3 (8-11m). Bagi KBKK membuat gambaran mental, pelajar yang berada pada tahap sangat lemah iaitu skor 1 (0-10m) adalah 58.33% manakala 33.33% pelajar berada pada tahap lemah iaitu pada skor 2 (11-20m). Dapatan analisis awal ini selari dengan dapatan kajian-kajian lepas yang menunjukkan pelajar tingkatan 1 menghadapi masalah pembelajaran dalam topik Integer Matematik.



Jadual 1.2

Analisis Awal - Peratusan Skor Berdasarkan KBKK Integer Matematik Tingkatan 1

KBKK	Markah Maksimum	Skor (dalam bilangan dan peratus)					Min
		1 Sangat lemah	2 Lemah	3 Sederhana	4 Baik	5 Sangat Baik	
Membanding dan membezakan	12	0 (0.00%)	0 (0.00%)	25 (20.83%)	32 (26.67%)	63 (52.50%)	10.11
Membuat urutan	18	13 (10.83%)	32 (26.67%)	19 (15.83%)	29 (24.17%)	27 (22.50%)	10.14
Menganalisis	19	16 (13.33%)	66 (55.00%)	32 (26.67%)	5 (4.17%)	1 (0.83%)	7.16
Membuat gambaran mental	51	70 (58.33%)	40 (33.33%)	10 (8.33%)	0 (0.00%)	0 (0.00%)	9.74

1.4 Pernyataan Masalah

Kajian yang dilakukan oleh KPM mendapati Malaysia berada pada kedudukan sepertiga terbawah dalam kalangan 74 negara yang ditaksir dalam *2009+ Programme for International Student Assessment (PISA)* dalam Matematik, Sains, dan Bacaan (KPM, 2013). Malaysia berada di kedudukan ke-57 bagi mata pelajaran Matematik. Peratus murid yang tidak mencapai penanda aras yang ditetapkan semakin besar dan murid tidak mencapai standard minimum dalam *The International Trends in Mathematics and Science Study (TIMSS)*. Ini dapat dilihat dalam peningkatan peratusan murid yang tidak mencapai standard minimum iaitu daripada 7% pada tahun 1999 kepada 35% pada tahun 2011(KPM, 2013).

Penguasaan mata pelajaran Matematik adalah langkah penting bagi memperbaiki kedudukan Malaysia dalam pemeringkatan PISA. Salah satu topik

penting dalam mata pelajaran Matematik adalah Integer. Jadual 1.3 menunjukkan senarai soalan integer dan soalan aplikasi integer dalam tajuk ungkapan algebra dan persamaan linear bagi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) mengikut tahun. Daripada Jadual 1.3, didapati kebarangkalian untuk soalan yang melibatkan integer serta aplikasi integer adalah tinggi dan ia wajib dijawab oleh pelajar. Oleh itu, topik Integer ini penting dikuasai sepenuhnya oleh pelajar kerana operasi penambahan dan penolakan integer merupakan asas kepada banyak operasi yang melibatkan topik-topik lain dalam mata pelajaran Matematik daripada tingkatan 1 hingga tingkatan 5.

Jadual 1.3

Senarai Soalan Integer dan Soalan Aplikasi Integer dalam Tajuk Ungkapan Algebra dan Persamaan Linear Peperiksaan PMR Mengikut Tahun

Tahun	Kertas 1	Kertas 2		
	Nombor Soalan Integer	Nombor Soalan Integer	Nombor Soalan Ungkapan Algebra	Nombor Soalan Persamaan Linear
2005	1	2	-	15
2006	-	1	-	10
2007	4	1	-	4
2008	4	-	8	7
2009	4	1	8	14
2010	4	1	9	4
2011	4	1	8	4
2012	4	1	-	14
2013	2	1,2	9	4

Sumber : Ubahsuai daripada Sasbadi (2013).

Masalah pembelajaran pelajar dalam topik Integer telah dikenal pasti oleh pelbagai pihak (Peggy, 2011; Elango & Halimah, 2011; Sopian, 2011; Gullick, 2012). Pelajar mempunyai pencapaian yang rendah dalam topik Integer Matematik (Marlina & Hidayah, 2007; Peggy, 2011; Gullick, 2012) dan gagal menguasai KBKK yang diperlukan (Vlassis, 2004; Elango, 2007; Elango & Halimah, 2011; Sopian, 2011). Ujian subjektif berasaskan soalan berstruktur topik Integer yang dilaksanakan mendapati 50.83% pelajar tidak dapat menguasai topik Integer dengan memperoleh



markah di bawah 40.00%. Min markah pelajar adalah 37.15 daripada 100 markah iaitu pada tahap lemah.

Dalam aspek penguasaan KBKK, analisis awal menunjukkan 95.00% atau 114 orang pelajar tidak dapat menguasai KBKK menganalisis melalui operasi penambahan dan penolakan integer. 100.00% pelajar tidak dapat menguasai KBKK membuat gambaran mental apabila menghadapi masalah untuk menjawab kedua-dua operasi penambahan dan penolakan integer. Dapatan analisis awal ini menunjukkan majoriti pelajar mempunyai masalah dalam menyelesaikan soalan yang melibatkan KBKK menganalisis dan membuat gambaran mental. Dapatan analisis awal ini selari dengan dapatan kajian-kajian lepas yang menunjukkan pelajar tingkatan 1 menghadapi masalah pencapaian Matematik yang rendah dan tidak dapat menguasai KBKK topik Integer Matematik dengan baik.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, pembelajaran Matematik di sekolah adalah menggunakan kaedah tradisional berpusatkan guru yang menekankan kepada hafalan formula, latih tubi dan kemahiran menjawab soalan peperiksaan (Suhana & Chai, 2012) serta menggunakan kaedah ‘kapur dan cakap’ selain menggunakan buku bercetak (Neo & Rafi, 2007). Walaupun penggunaan kaedah pembelajaran tradisional ini telah lama dipraktikkan, tetapi bagi isi kandungan pembelajaran yang abstrak seperti Matematik, pelajar akan mudah hilang tumpuan dengan hanya membaca buku tanpa ada bahan sokongan (Mantzicopoulos & Patrick, 2010, 2011). Oleh itu, pembelajaran Matematik di sekolah telah mula menggunakan teknologi berbantuan komputer seperti perisian kursus sejak tahun 1994 (Lee, 1999; Hasnah, 2012).



Pelbagai strategi pembelajaran berbantuan komputer telah dilaksanakan oleh KPM bagi meningkatkan pencapaian pelajar terutamanya dalam mata pelajaran kritikal seperti Matematik dan Sains. Jadual 1.4 menunjukkan inisiatif teknologi berbantuan komputer yang dilaksanakan oleh KPM di sekolah. Bermula pada tahun 1994, pelbagai program pembelajaran berbantuan komputer telah diperkenalkan di sekolah bagi membantu guru dalam proses P&P. Perlaksanaan program Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) bermula pada tahun 2003 membolehkan sekolah dibekalkan dengan peralatan teknologi maklumat yang lebih lengkap selain pelbagai perisian kursus. Pada tahun 2004 SchoolNet diperkenalkan diikuti Pusat Akses pada tahun 2006. Pusat akses menyediakan bilik yang dilengkapi dengan komputer bagi memudahkan pelajar menggunakan internet sebagai medium pembelajaran (Hasnah, 2012). EduWebTV diperkenalkan pada tahun 2008 sebagai saluran televisyen pendidikan melalui internet dan Komputer Riba 1 Malaysia dibekalkan pada tahun 2010 bagi memudahkan pelajar mengakses internet (SKMM, 2011).

Jadual 1.4

Inisiatif Teknologi Berbantuan Komputer oleh KPM

Tahun	Inisiatif Teknologi Berbantuan Komputer
1994	Pengajaran Berbantuan Komputer
1995	Komputer Dalam Pendidikan (Fasa Pertama)
1996	Komputer Dalam Pendidikan (Fasa Kedua)
1997	Pusat Sumber Elektronik & Program Komputer Tingkatan Enam
1999	Sekolah Bestari
2002	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI)
2004	SchoolNet
2006	Pusat Akses
2008	EduWebTV
2010	Komputer Riba 1 Malaysia
2012	1BestariNet
2012	FrogVLE
2013	iThink

Sumber : Ubahsuai daripada Hasnah (2012).



Pada tahun 2012, 1BestariNet memperkenalkan perkhidmatan YES 4G diperkenalkan di sekolah bagi menggantikan SchoolNet sebagai pembekal utama perkhidmatan internet. Seiring dengan itu, FrogVLE diperkenalkan pada tahun 2012. FrogVLE adalah platform pembelajaran yang menggunakan laman web dan teknologi pengkomputeran awan (*cloud computing*) sebagai medium P&P dan pengurusan pendidikan. Guru, pelajar dan ibu bapa mempunyai akses kepada sistem yang membenarkan semua pihak berhubung dan memantau perkembangan pendidikan pelajar (Shahfiezul & Fariza, 2015). Program i-THINK (*Innovative thinking*) diperkenalkan secara meluas di sekolah mulai tahun 2013 yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran berfikir bagi menghasilkan pelajar yang kritis, kreatif dan inovatif (KPM, 2012). Melalui program ini guru dan pelajar dilatih bagi meningkatkan kemahiran berfikir aras tinggi serta diperkenalkan dengan peta pemikiran sebagai alat berfikir. Kedua-dua program ini masih diteruskan sehingga hari ini.

Seiring dengan perlaksanaan inisiatif teknologi berbantuan komputer ini, perisian-perisian kursus turut dibekalkan di sekolah-sekolah bagi membantu guru dalam proses P&P. Penyelidik mendapati sejumlah 216 perisian pelbagai mata pelajaran dan topik telah dibekalkan di sekolah menengah sejak tahun 2003. Bagi mata pelajaran Matematik khususnya, terdapat 49 perisian kursus yang telah dibekalkan. Dalam mempelajari topik Integer tingkatan 1 ini, penyelidik telah mengenal pasti dua perisian yang telah dibekalkan oleh KPM dan dua perisian diterbitkan oleh penerbit lain digunakan bagi P&P topik Integer di sekolah. Perincian perisian ini boleh dilihat dalam Jadual 2.3 pada halaman 108.





Perbandingan dibuat terhadap perisian topik Integer yang digunakan di sekolah dari aspek elemen animasi, KBKK yang perlu dikuasai dan motivasi. Analisis menunjukkan, dua daripada perisian ini tidak interaktif dan hanya menggunakan grafik statik. Kaedah pembelajaran integer yang abstrak tidak dianimasikan. Liu dan Chai (2012) menyatakan isi kandungan yang abstrak perlu dianimasikan bagi memudahkan pelajar memahami kandungan yang disampaikan (Zeena & Karim, 2016). Selain itu, KBKK yang perlu dikuasai oleh pelajar dalam topik Integer diterangkan dalam perisian secara tidak menyeluruh dan terhad. Poh (2000) serta Mohd Afezan dan Mohd Nor (2012) menyatakan soalan-soalan dalam perisian perlu bersesuaian dengan KBKK yang diuji dan mencukupi bagi membolehkan pencapaian pelajar dinilai (Noor Shah, 2001). KBKK dalam perisian yang terhad dan tidak mencukupi menyukarkan pelajar menguasai KBKK yang perlu dikuasai dalam topik Integer ini dengan baik. Analisis juga menunjukkan wujud elemen motivasi dalam perisian tetapi tidak mencukupi. Ini kerana perisian tidak memanfaatkan kelebihan elemen multimedia khususnya animasi dalam perisian yang dihasilkan. Animasi penting bagi meningkatkan motivasi pelajar (Dony et al., 2013) dan membantu meningkatkan pencapaian pelajar (Juriah & Juanengsih, 2016).

Berdasarkan analisis yang telah dibuat terhadap perisian-perisian yang dibekalkan dan digunakan di sekolah dalam mempelajari topik Integer Matematik Tingkatan 1, didapati perisian-perisian ini tidak memanfaatkan kelebihan aplikasi prinsip animasi terlebih-lebihan, mengandungi kandungan KBKK yang tidak menyeluruh dan tidak menerapkan elemen motivasi dengan baik. Elemen-elemen tersebut penting untuk pelajar dan dapat memberi kesan terhadap pencapaian, penguasaan KBKK dan motivasi. Oleh yang demikian, perisian berasaskan prinsip





animasi pelebih-lebihan dan KBKK ini dibina bagi memotivasikan pelajar dalam topik Integer Matematik Tingkatan 1 untuk mempelajari topik Integer dengan lebih baik. Perisian ini membantu pelajar dalam proses P&P serta meningkatkan penguasaan KBKK pelajar. Walaupun terdapat kajian terhadap aplikasi prinsip animasi pelebih-lebihan, namun dalam konteks Malaysia aplikasi prinsip animasi pelebih-lebihan ini masih belum digunakan terutamanya dalam bidang pendidikan bagi membantu meningkatkan pencapaian pelajar. Oleh itu, kajian ini penting bagi melihat sama ada wujud perbezaan signifikan dari sudut pencapaian dan penguasaan KBKK serta motivasi pelajar selepas menggunakan perisian berasaskan aplikasi prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK ini.



Berdasarkan pernyataan masalah dan rasional kajian yang dibincangkan sebelum ini, beberapa persoalan kajian telah dibina seperti berikut:

- S1 Adakah perisian berasaskan prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK dalam topik Integer Matematik Tingkatan 1 dapat memberikan kesan yang signifikan terhadap pencapaian pelajar?
- S2 Adakah perisian berasaskan prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK dalam topik Integer Matematik Tingkatan 1 dapat memberikan kesan yang signifikan terhadap penguasaan KBKK pelajar?
- S3 Adakah perisian berasaskan prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK dalam topik Integer Matematik Tingkatan 1 dapat memotivasikan pelajar tingkatan 1 terhadap topik Integer Matematik?





- S4 Adakah prinsip animasi pelebih-lebihan sesuai diaplikasikan dalam perisian topik Integer Matematik Tingkatan 1?

1.6 Objektif Kajian

Berdasarkan persoalan kajian yang dibina, objektif penyelidikan ini adalah seperti berikut:

- Menilai keberkesanan perisian berasaskan prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK topik Integer Matematik terhadap pencapaian Matematik pelajar.
- Menilai keberkesanan perisian berasaskan prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK topik Integer Matematik terhadap penguasaan KBKK pelajar.
- Mengenal pasti kesan perisian berasaskan prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK topik Integer Matematik terhadap pelajar Tingkatan 1 berdasarkan faktor Motivasi (ARCS).
- Menilai kesesuaian aplikasi prinsip animasi pelebih-lebihan dalam perisian.

1.7 Hipotesis Kajian

H1 : Terdapat perbezaan signifikan dari segi pencapaian di antara kumpulan pelajar yang menggunakan perisian berasaskan prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK dalam topik Integer Matematik Tingkatan 1 dengan kumpulan pelajar yang menggunakan perisian tanpa aplikasi prinsip pelebih-lebihan dan pelajar yang tidak menggunakan perisian.





H2 : Terdapat perbezaan signifikan dari segi penguasaan KBKK membanding dan membezakan di antara kumpulan pelajar yang menggunakan perisian berasaskan prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK dalam topik Integer Matematik Tingkatan 1 dengan kumpulan pelajar yang menggunakan perisian tanpa aplikasi prinsip pelebih-lebihan dan pelajar yang tidak menggunakan perisian.

H3 : Terdapat perbezaan signifikan dari segi penguasaan KBKK membuat urutan di antara kumpulan pelajar yang menggunakan perisian berasaskan prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK dalam topik Integer Matematik Tingkatan 1 dengan kumpulan pelajar yang menggunakan perisian tanpa aplikasi prinsip pelebih-lebihan dan pelajar yang tidak menggunakan perisian.

H4 : Terdapat perbezaan signifikan dari segi penguasaan KBKK menganalisis di antara kumpulan pelajar yang menggunakan perisian berasaskan prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK dalam topik Integer Matematik Tingkatan 1 dengan kumpulan pelajar yang menggunakan perisian tanpa aplikasi prinsip pelebih-lebihan dan pelajar yang tidak menggunakan perisian.

H5 : Terdapat perbezaan signifikan dari segi penguasaan KBKK membuat gambaran mental di antara kumpulan pelajar yang menggunakan perisian berasaskan prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK dalam topik Integer Matematik Tingkatan 1 dengan kumpulan pelajar yang menggunakan perisian tanpa aplikasi prinsip pelebih-lebihan dan pelajar yang tidak menggunakan perisian.

H6 : Terdapat perbezaan signifikan dari segi elemen motivasi menarik perhatian di antara kumpulan pelajar yang menggunakan perisian berasaskan prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK dalam topik Integer Matematik Tingkatan





1 dengan kumpulan pelajar yang menggunakan perisian tanpa aplikasi prinsip pelebih-lebihan dan pelajar yang tidak menggunakan perisian.

H7 : Terdapat perbezaan signifikan dari segi elemen motivasi kerelevanan di antara kumpulan pelajar yang menggunakan perisian berasaskan prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK dalam topik Integer Matematik Tingkatan 1 dengan kumpulan pelajar yang menggunakan perisian tanpa aplikasi prinsip pelebih-lebihan dan pelajar yang tidak menggunakan perisian.

H8 : Terdapat perbezaan signifikan dari segi elemen motivasi keyakinan di antara kumpulan pelajar yang menggunakan perisian berasaskan prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK dalam topik Integer Matematik Tingkatan 1 dengan kumpulan pelajar yang menggunakan perisian tanpa aplikasi prinsip pelebih-lebihan dan pelajar yang tidak menggunakan perisian.



H9 : Terdapat perbezaan signifikan dari segi elemen motivasi kepuasan di antara kumpulan pelajar yang menggunakan perisian berasaskan prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK dalam topik Integer Matematik Tingkatan 1 dengan kumpulan pelajar yang menggunakan perisian tanpa aplikasi prinsip pelebih-lebihan dan pelajar yang tidak menggunakan perisian.

1.8 Kepentingan Kajian

Animasi mampu menyampaikan isi kandungan pelajaran dengan baik tetapi jika reka bentuk animasi tidak menarik, animasi akan gagal. Aplikasi prinsip animasi pelebih-lebihan adalah satu daripada reka bentuk animasi yang dapat menarik minat pelajar dan mampu menghasilkan animasi yang baik. Oleh itu, kajian ini penting bagi melihat





keberkesanan aplikasi prinsip animasi pelebih-lebihan dan kesannya terhadap pencapaian, penguasaan KBKK dan motivasi pelajar. Kajian ini juga menggalakkan pelajar berfikir secara kritis dan kreatif. Pelajar berpeluang mempraktikkan penggunaan KBKK dalam pembelajaran berbantuan komputer melalui KBKK yang diterap dalam isi kandungan. Pelajar dilatih menjadi kritis dan kreatif serta dapat menguasai KBKK dengan baik yang seterusnya akan meningkatkan prestasi pelajar. Dari sudut P&P Matematik, perbezaan pendekatan pengajaran guru mungkin hanya berkesan untuk satu kelompok pelajar tertentu sahaja dan tidak berkesan bagi kelompok pelajar yang lain. Pembangunan prototaip perisian ini dapat mengambil kira kemampuan pelajar yang berbeza dalam proses pembelajaran dan memberikan penyelesaian kepada perbezaan ini. Pelajar bebas memilih persekitaran pembelajaran yang disukai mengikut tahap pelajar itu sendiri.



Hasil penyelidikan ini dapat digunakan oleh guru Matematik dalam proses P&P seharian kerana peranan pembelajaran berkomputer dapat meningkatkan keberkesanan P&P dalam kelas. Ia juga boleh dijadikan rujukan kepada penyelidik lain dalam mengkaji penggunaan animasi dan KBKK dalam P&P berbantuan komputer serta pembangunan perisian pada masa hadapan. Kajian ini juga dapat dijadikan rujukan Kementerian Pendidikan, Institusi Pengajian Tinggi dan Bahagian Teknologi Pendidikan dalam merangka strategi pembelajaran yang selari dengan penggunaan teknologi maklumat.





1.9 Skop Kajian

Kajian tertumpu kepada pelajar tingkatan 1 sekolah menengah gred B dari tiga buah sekolah menengah luar bandar di negeri Perak yang mempelajari topik Integer Matematik Tingkatan 1. Kajian ini hanya menumpukan kepada topik Integer Matematik Tingkatan 1 sahaja kerana pelajar tingkatan 1 baharu diperkenalkan dengan topik nombor negatif (KPM, 2011). Pemilihan sekolah gred B luar bandar adalah berdasarkan faktor prestasi akademik pelajar luar bandar lebih rendah berbanding pelajar bandar (KPM, 2013) yang mendorong penyelidik memfokus kepada pelajar luar bandar bagi membantu meningkatkan pencapaian mereka.

Kajian ini melibatkan seramai 120 orang pelajar yang terdiri daripada 80 orang pelajar dalam dua kumpulan rawatan dan 40 orang pelajar dalam kumpulan kawalan. Jadual penentuan sampel kecil Krejcie dan Morgan (1970) digunakan bagi mendapatkan bilangan sampel kajian. Bilangan populasi adalah seramai 170 orang pelajar daripada tiga buah sekolah menengah gred B luar bandar. Oleh yg demikian, bilangan sampel yang diperlukan adalah seramai 118 orang. Kajian ini menggunakan bilangan sampel seramai 120 orang daripada tiga buah sekolah tersebut yang dibahagikan kepada tiga kumpulan yang terdiri daripada 40 orang untuk setiap kumpulan. Maklumat kajian ini adalah berdasarkan maklum balas pelajar tersebut sahaja dan tidak memberi gambaran pelajar dengan latar belakang berbeza.



1.10 Definisi Operasi

1 Pelebihi-lebihan

Pergerakan animasi yang melampau atau berlebih-lebihan bagi menarik minat penonton (Thomas & Johnston, 1995). Dalam kajian ini kaedah pelebihi-lebihan yang digunakan adalah kombinasi pelebihi-lebihan menggunakan memenyek dan meregang serta pelebihi-lebihan reka bentuk watak. Watak seekor kanggaru dipilih berdasarkan hasil analisis awal yang mendapati pelajar memilih ikon kanggaru untuk dianimasikan. Watak seekor kanggaru dikenakan dengan prinsip pelebihi-lebihan pada reka bentuk watak dan kemudiannya dimanipulasikan pergerakannya menggunakan prinsip pelebihi-lebihan dalam animasi menggunakan kaedah memenyek dan meregang pada garis nombor bagi memberi penekanan kepada isi kandungan konsep yang ingin disampaikan.

Watak kedua adalah remaja lelaki dikenakan dengan prinsip pelebihi-lebihan terhadap reka bentuk wataknya. Saiz kepala remaja ini dibesarkan secara berlebihan bagi memberikan impak pelebihi-lebihan. Selain itu, remaja tersebut turut dikenakan dengan prinsip animasi pelebihi-lebihan menggunakan kaedah memenyek dan meregang dalam pergerakan tangannya.

2 Kemahiran berfikir secara kritis

Kemahiran berfikir secara kritis ialah kebolehan untuk menilai kemunasabahan sesuatu idea dan bersifat penilaian (KPM, 2002). Dalam kajian ini, kemahiran berfikir secara kritis melihat kepada kemahiran membanding dan membezakan, membuat urutan dan menganalisis.

3 Kemahiran berfikir secara kreatif

Kemahiran berfikir secara kreatif ialah kebolehan untuk mencerna dan menghasilkan idea asli dan bersifat generatif. Idea baru terhasil melalui ilham atau gabungan idea-idea yang ada (KPM, 2002). Dalam kajian ini, kemahiran berfikir secara kreatif melihat kepada kemahiran membuat gambaran mental.

4 Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif

Kemahiran mengkaji maklumat, situasi dan fakta secara mendalam dalam membangunkan penyelesaian, mencari alternatif dan melihat dari perspektif yang berbeza (Paul & Elder, 2006).

5 Keberkesanan

Perbezaan min skor yang diperolehi dari ujian pasca berbanding ujian pra (Abdul & Sharmilla, 2017) selepas menjawab soalan Integer Matematik Tingkatan 1.

6 Perisian kursus animasi

Perisian kursus yang dibangunkan dengan memuatkan animasi (Ahmad Zamzuri, 2007). Dalam kajian ini perisian kursus animasi merujuk kepada perisian kursus yang mengaplikasikan prinsip animasi pelebi-lebihan dan KBKK bagi topik Integer Matematik Tingkatan 1.

7 Topik Integer dalam mata pelajaran Matematik

Topik Integer Matematik Tingkatan 1 yang memfokus kepada pengenalan integer negatif, penambahan integer, penolakan integer dan penyelesaian masalah melibatkan penambahan dan penolakan integer (KPM, 2011).



8 Pencapaian pelajar

Skor pelajar selepas menjawab soalan subjektif dalam ujian pra dan ujian pasca (Mohd, Ahmad & Khairul, 2013).

9 Tahap penguasaan KBKK

Tahap pencapaian KBKK pelajar melalui ujian soalan berbentuk KBKK (Poh, 2000; Mohd Afezan & Mohd Nor, 2012). Skor yang diperolehi pelajar selepas menjawab soalan pra dan pasca mengikut jenis KBKK yang diuji.

1.11 Kesimpulan

Kajian ini dilaksanakan dalam konteks pendidikan di Malaysia yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai medium P&P. Kajian ini menilai keberkesanan perisian berasaskan prinsip animasi pelebih-lebihan dan KBKK topik Integer Matematik ke atas pencapaian, penguasaan KBKK dan motivasi pelajar tingkatan 1. Bab ini membincangkan teknologi berbantuan komputer, animasi, masalah pembelajaran topik Integer Matematik, penggunaan teknologi berbantuan komputer di sekolah dan analisis perisian kursus topik Integer Matematik yang digunakan di sekolah dari sudut animasi, KBKK dan motivasi. Bab ini juga menerangkan analisis awal untuk mengkaji pencapaian dan penguasaan KBKK pelajar semasa. Bab ini berfokus kepada latar belakang kajian, analisis awal, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan definisi operasi.

